

LAMPIRAN A

Senarai Pemimpin Huatuan Yang Ditemu Bual

Nama	Tarikh	Jawatan
Chong Chin Shoong	11. 9. 2001	Presiden GPCM
Ngan Ching Wen	13. 9. 2001	Presiden DPCS
Loot Ting Yee	13. 9. 2001	Naib Pengerusi Jiaozong
Ser Choon Ing	21. 12. 2001	Setiausaha Jawatankuasa Suqiu
Kua Kia Soong	22. 12. 2001	Pengerusi Suaram dan Aktivis Pendidikan Cina
Quek Suan Hiang	23. 12. 2001	Pengerusi Dongzong dan Jawatankuasa Suqiu
Bock Tai Hee	26. 12. 2001	Ketua Pegawai Eksekutif Dongzong
Lim Guan Teik	11. 1. 2002	Presiden ACCCIM
Shum Thin Khee	25. 2. 2003	Penyelidik Dongzong
Tan Teck Chang	22. 3. 2003	Timbalan Pengerusi Gabungan Lembaga-Lembaga Sekolah Cina Selangor dan Kuala Lumpur
Lee Kin Sin	23. 3. 2003	Bekas Ketua Pemuda DPCS

LAMPIRAN B

Senarai Soalan Temu Bual

1. Adakah Huatuan harus membabitkan diri dan menyertai politik demi menjaga kepentingan masyarakat Cina ?
2. Apakah cara terbaik untuk Huatuan membabitkan diri dan menyertai politik ?
3. Apakah faktor yang menyebabkan perpecahan pergerakan Huatuan kepada aliran kompromi dan aliran pendesak dalam tahun 90-an ?
4. Antara pendekatan berkompromi dan mendesak, pendekatan manakah yang lebih berkesan untuk digunakan oleh Huatuan dalam melindungi kepentingan masyarakat Cina ?
5. Apakah batasan-batasan yang dihadapi oleh Huatuan yang menggunakan pendekatan mendesak sebagai strategi perjuangan ?
6. Pendekatan berkompromi yang diguna oleh sesetengah Huatuan sangat disenangi oleh pemimpin-pemimpin negara, adakah ia mampu mempengaruhi penggubalan dasar negara ?
7. Adakah wujudnya gejala penyerapan dan penguasaan Huatuan oleh parti-parti politik Cina ?
8. Mengapakah parti-parti politik Cina ingin menyerapi dan menguasai Huatuan ?
9. Bagaimanakah Huatuan dapat menangani masalah penyerapan dan penguasaan oleh parti-parti politik ?
10. Adakah pegangan konvensional Huatuan yang berlandaskan prinsip “Above political parties but not politics” masih relevan lagi untuk menjaga kepentingan masyarakat Cina ?
11. Walaupun tuntutan Huatuan sejak tahun 1985, iaitu melalui Perisytiharan Bersama Pertubuhan-Pertubuhan Cina Malaysia sudah menjangkaui tuntutan komunal, mengapakah tuntutan Huatuan mudah dilabel oleh para pemimpin UMNO sebagai bersifat komunal dan cauvinistik ?
12. Apakah strategi/cara yang harus diambil oleh Huatuan untuk mengangkat tuntutannya agar ia dapat mewakili semua rakyat di negara ini ?

13. Bagaimanakah Huatuan harus merespons kepada penghakisan hak dan kepentingan masyarakat Cina yang disebabkan oleh hegemoni politik Melayu ?
14. Di bawah hegemoni politik Melayu, bagaimanakah Huatuan harus bertindak dalam soal pembabitan dan penyertaan politik ?
15. Apakah faktor-faktor yang mencetuskan pelancaran tuntutan Suqiu menjelang pilihan raya umum 1999 ?
16. Mengapakah pelancaran tuntutan Suqiu mendapat liputan, perbincangan, dan perdebatan yang hangat pada kali ini ?
17. Mengapakah Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia dan ACCCIM tidak menyertai penganjuran dan pelancaran Suqiu ?
18. Apakah Suqiu mencapai objektif pelancarannya yang asal ?
19. Suqiu telah menjadi isu kontroversial selepas pilihan raya umum 1999, apakah implikasinya kepada pergerakan Huatuan dan iktibar yang boleh dipelajari daripadanya ?
20. Apakah sumbangan yang boleh diberi oleh Huatuan melalui pembabitan dan penyertaannya dalam politik kepada pembentukan masyarakat sivil di Malaysia ?

LAMPIRAN C

KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

MEMORANDUM BERSAMA

DIKEMUKAKAN OLEH PERTUBUHAN-PERTUBUHAN CINA

YANG UTAMA DI MALAYSIA

I. PENDAHULUAN

- 1.1 Demi menyahut rayuan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kami yang mewakili Pertubuhan-Pertubuhan Cina berikut, menyampaikan Memorandum ini sebagai pandangan asas masyarakat Cina tentang masalah kebudayaan kebangsaan. Penyampaian kami dibuat secara prinsip sahaja untuk pertimbangan Kerajaan dalam kajian semula dasar-dasar yang berkenaan.
- 1.2 Malaysia merupakan negara berbilang kaum, bahasa, agama dan kebudayaan. Untuk mencapai perpaduan kebangsaan, yang penting sekali ialah mengakui ciri-ciri asas masyarakat kita, iaitu masyarakat majmuk. Akan tetapi, pelaksanaan dasar-dasar kebangsaan sekarang tentang bahasa, pelajaran dan kebudayaan terlalu berbau perkauman dan cenderung ke arah asimilasi paksaan. Dasar-dasar berkenaan digubal hanya dari perspektif dan pendirian satu kaum. Pertentangan antara dasar-dasar Melayu-sentrik dengan ciri majmuk masyarakat kita merupakan teras masalah kita.
- 1.3 Kami berpendapat, asas perbincangan tentang masalah kebudayaan kebangsaan terletak pada semangat dan lunas-lunas yang termaktub dalam Deklarasi Hak-Hak Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Perlembagaan Persekutuan, Rukunegara, persamaan hak dan kedudukan untuk semua kaum dan perundingan demokratik. Hanya dengan lunas-lunas tersebut, barulah hak-hak asasi semua kaum untuk mewarisi dan mengembangkan kebudayaan masing-masing dapat terjamin dan tidak dicabuli, dan setiap kaum dapat saling menghormati tradisi kebudayaan satu sama lain dengan sesungguhnya. Kerana dasar-dasar kebangsaan sekarang tentang bahasa, pelajaran dan kebudayaan, serta tiga prinsip yang diamalkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak digubal atas lunas-lunas tersebut, pelanjutan dasar-dasar itu bukan sahaja tidak akan mencapai matlamat perpaduan kebangsaan, malahan akan memburukkan lagi kecenderungan atau trend polarisasi kaum yang kurang sihat itu.

II. ASAS OBJEKTIF DAN KEPERIBADIAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

- 2.1 Pada umumnya, kebudayaan ditakrif sebagai jumlah kekayaan jasmani dan kekayaan rohani yang dicipta dalam perkembangan sejarah manusia. Secara ringkas, ia boleh dikenali sebagai cara hidup manusia. Oleh itu, hubungan sesuatu kaum dengan kebudayaan adalah seperti darah dengan daging yang tidak dapat dipisahkan.
- 2.2 Oleh sebab kebudayaan itu cara hidup manusia, maka kebudayaan kebangsaan adalah cara hidup seluruh rakyat Malaysia. Negara kita merupakan negara berbilang kaum dan kebudayaan, dan cara hidup seluruh rakyat kita seharusnya merupakan cara hidup semua kaum. Oleh itu, asas objektif kebudayaan kebangsaan kita bukan kebudayaan satu kaum, tetapi harus terdiri dari kebudayaan semua kaum, seperti yang dinyatakan oleh Rukunegara bahawa: "Bangsa dan Negara Malaysia sesungguhnya mempunyai kekayaan dan perbezaan kebudayaan yang khusus dalam kedua-dua bidang tradisi dan kebiasaan. Kami bercita-cita hendak mencipta satu masyarakat di mana keadaan berlainan kebudayaan itu boleh menguntungkan dan menjadi sumber kekuatan Bangsa dan Negara Malaysia." Pembinaan Kebudayaan

Kebangsaan harus menurut hukum semulajadi (Natural Law) perkembangan kebudayaan, agar kebudayaan berbagai kaum di negara kita dapat bersaling tindak atau berinteraksi, yang intisari dipelihara dan yang hampas ditinggalkan. Usaha tersebut harus dilengkapi lagi dengan serapan unsur-unsur positif kebudayaan asing untuk mencipta nilai-nilai kebudayaan bersama. Dalam proses pembinaan kebudayaan kebangsaan ini, pihak berkuasa tidak harus terlalu banyak campur-tangan, lebih-lebih lagi ‘pembentukan’ itu tidak boleh menurut kemahuan subjektif sesuatu kaum sahaja.

2. Kebudayaan Melayu, kebudayaan Cina dan kebudayaan India di negara kita, melalui proses evolusi jangka panjang dalam persekitaran objektif negara kita, telahpun berbeza daripada kebudayaan Indonesia, kebudayaan China dan kebudayaan India, baik dari segi isi maupun bentuknya. Ketiga-tiga kebudayaan tersebut bukan sahaja mewarisi kekayaan kebudayaan asalnya, tetapi juga telah menjadi bahagian atau komponen kebudayaan kebangsaan, yang tidak dapat dipisahkan melalui interaksi, saling memperkaya dan serap-menyerap. Dengan kata-kata lain, kesemuanya telahpun bercorak tempatan.
- 4 Menurut pandangan kami, kebudayaan kebangsaan sekarang harus memiliki tiga ciri asas berikut:—
 - (i) bentuk kebudayaan yang beraneka ragam,
 - (ii) nilai-nilai bersama; dan
 - (iii) bercorak tempatan.

Bentuk kebudayaan yang beraneka ragam adalah cerminan wajar amalan agama, cara hidup dan tradisi kebudayaan yang berlainan dalam masyarakat majmuk kita. Bentuk kebudayaan yang beraneka ragam memperkaya dan menjadikan kebudayaan kebangsaan kita berwarna-warni, dan ini merupakan kelebihan kebudayaan kita dan bukan kekurangannya. Nilai-nilai bersama harus berpandukan sains, demokrasi, pemerintahan undang-undang dan patriotisme. Nilai-nilai bersama dan corak tempatan utama sekali merujuk kepada isi kebudayaan. Dan isi kebudayaanlah yang harus dipandang berat dalam pembinaan kebudayaan kebangsaan. Corak Melayu memang merupakan corak tempatan. Tetapi corak tempatan tidak seharusnya corak Melayu, corak-corak Cina, India, Kadazan, Dayak dan kelompok-kelompok etnik Malaysia yang lain juga bercorak tempatan.

III. MATLAMAT PEMBINAAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

- 3.1 Tujuan utama pembinaan kebudayaan kebangsaan dan sistem nilai ialah untuk memobilisasikan unsur-unsur positif kebudayaan semua kaum di negara kita untuk menentang pengaruh golongan pelampau/perkauman di dalam negara, serta aspek-aspek kebudayaan yang meleset (decadent) dan negatif, di samping mengembangkan kekayaan sumber dan tenaga manusia demi mendorong maju pengeluaran dan pembangunan negara.
- 3.2 Memandangkan realiti masyarakat kita yang berbilang kaum, pemupukan perpaduan rakyat seluruh negara melalui nilai-nilai kebudayaan bersama juga merupakan satu lagi matlamat penting. Walau bagaimanapun, matlamat ini hanya dapat dicapai atas dasar persamaan hak dan kedudukan untuk semua kaum dan prinsip demokrasi.

IV. TENTANGAN KAMI TERHADAP DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN SEKARANG

- 4.1 Kami menentang dasar-dasar sekarang tentang bahasa, pelajaran dan kebudayaan kebangsaan, serta tiga prinsip yang digunakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk ‘membentuk’ kebudayaan kebangsaan, iaitu:—

- (i) Kebudayaan Kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini;
- (ii) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan;
- (iii) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Tentangan kami berdasarkan alasan-alasan berikut:—

- 4.1.1. Dasar-dasar yang akan membawa akibat serius dan mendalam, yang dirumuskan oleh sarjana-sarjana yang terdiri dari satu kaum di bawah anjuran Kerajaan adalah tidak selaras dengan prinsip perundingan demokratik dalam proses pembinaan kebudayaan kebangsaan.
- 4.1.2. Di samping menekankan **kepentingan Islam dan kebudayaan Melayu**, dasar-dasar itu tidak membenarkan kebudayaan dan agama lain memainkan peranan yang bermakna. Ini adalah bertentangan dengan prinsip layanan adil dan perkembangan bebas bagi kebudayaan semua kaum.
- 4.1.3. Dasar-dasar itu menunjukkan falsafah kebudayaan yang sempit yang hanya tertumpu kepada kaum Melayu dan tidak bersikap liberal yang menggalakkan interaksi dan serap-menyerap antara kebudayaan Melayu dan kebudayaan-kebudayaan bukan-Melayu, serta kebudayaan-kebudayaan asing..
- 4.1.4. Dasar-dasar itu mengabaikan isi positif kebudayaan terutamanya sistem nilai bersama yang menjadi garis panduan bagi pembinaan kebudayaan.
- 4.1.5. Dasar-dasar itu bertentangan dengan pendirian Rukunegara, iaitu menghormati perkembangan bebas dan penerimaan nilai-nilai kebudayaan semua kaum serta menganggap kepelbagaiannya kebudayaan negara kita sebagai suatu sumber kekuatan negara.
- 4.1.6. Dasar-dasar itu menunjukkan kecenderungan untuk menggunakan kuasa pentadbiran demi memaksakan asimilasi — suatu amalan yang tidak dapat diterima oleh bukan-Melayu.
- 4.2. Setengah orang membahagikan kebudayaan kaum-kaum di negara ini sebagai kebudayaan tempatan atau bumiputra (khasnya dirujuk kepada kebudayaan Melayu) dan kebudayaan pendatang atau bukan-Melayu. Tujuan membezakan Melayu sebagai Bumiputra dan bukan-Melayu sebagai orang asing adalah untuk menafikan persamaan hak dan kedudukan kebudayaan bukan-Melayu. Bagaimanapun, kemerdekaan Malaysia telah dicapai oleh semua kaum bahu membahu dan rakyatnya menjadi warganegara yang berkedudukan sama rata. Oleh itu adalah tidak wajar rakyat Malaysia dibezakan sebagai “bumiputra” dan “pendatang”. Perbezaan yang direka itu menjadi punca diskriminasi ras, menjelaskan perpaduan negara dan mengakibatkan polarisasi ras yang tidak diingini.
- 4.3. Cauvinis Melayu berpendapat bahawa perpaduan rakyat semua kaum hanya dapat dicapai melalui satu bahasa dan satu kebudayaan manakala bahasa dan kebudayaan yang aneka ragam dianggap akan mengakibatkan perpecahan rakyat pelbagai kaum. Teori ini nyata sekali adalah tidak tepat. Sama ada sesuatu bangsa atau negara itu bersatupadu atau tidak, faktor-faktor penentu yang lebih penting ialah ekonomi, sosial dan politik. Dengan kata-kata lain, penindasan ekonomi, ketidakadilan sosial dan pertentangan politik boleh memecah-belahkan serta menimbulkan konflik di kalangan sesuatu bangsa atau negara yang sebahasa dan sekebudayaan. Sebaliknya,

sistem ekonomi dan sosial yang adil dan anutan politik yang sama akan menyatukan bangsa dan negara yang berbilang bahasa dan kebudayaan. Oleh itu, kesimpulan boleh dicapai bahawa satu bahasa dan satu kebudayaan bukanlah faktor yang menentukan perpaduan bangsa dan negara; sebaliknya, jika dasar asimilasi "satu bahasa, satu kebudayaan" diamalkan secara paksa di negara berbilang kaum, sudah barang tentu akan menimbulkan perselisihan kaum dan seterusnya mengancam asas perpaduan negara.

- 4.4. Pengikut Melayu-sentrik (Malay-centrists) menekankan latar belakang Kesultanan Melaka dan oleh itu menentang prinsip persamaan hak kebudayaan semua kaum. Mereka berpendapat Kesultanan Melaka merupakan suatu entiti politik Melayu yang mempunyai sistem pentadbiran, ekonomi dan kebudayaan yang tersendiri dan Malaysia sekarang dilahirkan dari latar belakang tersebut. Oleh itu, mereka menganggap kebudayaan Melayu lebih layak dijadikan asas utama kebudayaan kebangsaan. Kami tidak menafikan kewujudan Kesultanan Melaka dan pelanjutan Sistem Kesultanan Melayu, akan tetapi tiada sesiapa pun yang dapat menafikan hakikat kewujudan sah kaum-kaum lain dan sumbangan mereka dalam pembinaan negara. Malaysia adalah ditubuhkan menurut Perlembagaan Persekutuan 1957, dari segi sistem politik, negara kita bukan lagi sebuah kerajaan feudal, tetapi negara monarki berperlembagaan; dari segi sistem pentadbiran, perundangan dan ekonomi, pada asasnya, ia merupakan pelanjutan sistem Inggeris dan bukan sistem Melayu; dan dari segi kebudayaan, sistem kebudayaan majmuk telahpun lama menggantikan sistem kebudayaan Melayu yang tunggal. Dalam Malaysia sekarang, bukan sahaja sistem politik, pentadbiran, perundangan, ekonomi dan kebudayaan jauh berbeza daripada sistem Kesultanan Melaka, tetapi keluasan wilayah (termasuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak) dan komposisi penduduk mengikut etnik juga telah banyak berubah. Oleh itu, keperibadian Kesultanan Melaka adalah tidak sesuai digunakan untuk melambangkan keperibadian negara kita sekarang. Keperibadian Malaysia setelah merdeka adalah lebih sesuai digunakan untuk melambangkan keperibadian negara kita. Aspek masalah kebudayaan kebangsaan yang lebih kontroversial ialah bagaimana masalah hubungan kebudayaan berbagai kaum sekarang dapat diselesaikan. Kita memang harus merenung masalah kita dari perspektif sejarah. Namun jika realiti abad ke-16 dianggap lebih penting daripada realiti abad ke-20, anggapan ini sudah barang tentu tidak menasabah.
- 4.5. Andainya latar belakang sejarah abad ke-15 dan ke-16 diizinkan untuk menafikan prinsip persamaan hak dan kedudukan bagi kebudayaan semua kaum, maka akibat buruk berikut adalah tidak dapat dielakkan:—
- (a) Jika prinsip persamaan hak dan kedudukan bagi semua kaum di bidang kebudayaan dinafikan, penafian yang sama akan berlaku juga di bidang-bidang politik, ekonomi dan sosial;
 - (b) Cauvinisme kebudayaan akan muncul bersamaan layanan tidak adil terhadap kebudayaan kaum-kaum yang berlainan; dan
 - (c) Kecenderungan asimilasi secara paksa dan dasar perkauman Kerajaan akan diperkuatkan lagi.

V. PRINSIP-PRINSIP ASAS PEMBINAAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

- 5.1. Unsur-unsur unggul kebudayaan semua kaum di negara kita merupakan asas kebudayaan kebangsaan

Pembinaan kebudayaan kebangsaan haruslah diasaskan kepada unsur-unsur unggul dari kebudayaan-kebudayaan semua kaum. Kita harus bersikap liberal untuk menerima dan mengintegrasikan intisari kebudayaan-kebudayaan semua kaum di negara kita tanpa menolak unsur-unsur positif dari kebudayaan asing. Menolak kebudayaan sebarang kaum tempatan atau kebudayaan asing secara membuta tuli akan mengakibatkan kebudayaan kebangsaan kehilangan dayanya dan menjadi kaku.

- .2 Garis-garis panduan pembinaan nilai-nilai kebudayaan bersama ialah sains, demokrasi, pemerintahan undang-undang dan patriotisme

Pembinaan kebudayaan kebangsaan haruslah memberi tekanan kepada isi dan bukan bentuk. Perbuatan memberi tekanan yang melampau kepada bentuk kebudayaan sesuatu kaum bukan sahaja akan menyebabkan ketidak-puasan kaum-kaum yang lain, tetapi juga tidak akan membawa sebarang makna positif kepada pembinaan kebudayaan kebangsaan. Oleh itu, pembinaan kebudayaan kebangsaan haruslah dititik-beratkan kepada pemupukan nilai-nilai kebudayaan bersama melalui penanaman kesedaran kewarganegaraan, patriotisme, sains, demokrasi dan pemerintahan undang-undang.

- 5.3 Nilai-nilai kebudayaan bersama haruslah diekspresi melalui bentuk pelbagai kaum

Isi nilai-nilai kebudayaan bersama haruslah diekspresi melalui bentuk-bentuk unik atau istimewa setiap kaum tanpa menafikan kemungkinan bentuk ekspresi secara kombinasi. Sebarang langkah untuk menggunakan kedudukan dominan politik sesuatu kaum untuk membatas dan merintangi perkembangan bahasa dan kebudayaan kaum yang lain adalah tidak demokratik dan akan menjelaskan perpaduan negara.

- 5.4 Proses pembinaan kebudayaan kebangsaan haruslah selaras dengan prinsip kesamarataan semua kaum melalui perundingan demokratik

Dari segi hubungan kaum, semangat demokrasi tulen haruslah membawa maksud persamaan hak dan kedudukan bagi semua kaum, saling menghormat dan toleransi. Oleh itu, dalam proses pembinaan kebudayaan kebangsaan, kumpulan-kumpulan kebudayaan utama harus mencapai persefahaman melalui perundingan demokratik sebagai rakan yang berkedudukan sama rata. Ia tidak harus merupakan paksaan kemahanan sesuatu kaum ke atas kaum-kaum yang lain melalui kuasa penggubalan undang-undang atau pentadbiran. Ini adalah kerana hubungan setiap kaum dengan kebudayaan adalah hubungan darah daging. Oleh itu penyambungan kebudayaan setiap kaum haruslah dihormati, dan sebarang percubaan sebaliknya akan menjelaskan perpaduan rakyat.

VI. KESIMPULAN

- 6.1 Asas perbincangan kebudayaan kebangsaan haruslah berdasarkan Deklarasi Hak-Hak Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, persamaan hak dan kedudukan bagi semua kaum dan prinsip perundingan secara demokratik.
- 6.2 Asas objektif kebudayaan kebangsaan kita ialah kebudayaan-kebudayaan semua kaum negara kita. Pembinaan kebudayaan kebangsaan haruslah menitik-beratkan interaksi spontan antara kebudayaan-kebudayaan semua kaum, intisarinya diterima dan hampasnya ditinggalkan serta tidak menolak unsur-unsur positif kebudayaan asing. Di samping itu kerja perumusan nilai-nilai kebudayaan bersama juga harus dititik-beratkan. Dalam proses pembinaan kebudayaan kebangsaan, campur tangan pihak berkuasa yang tidak diingini hendaklah dikurangkan, sebaliknya hukum semulajadi bagi perkembangan kebudayaan haruslah dipandang berat.
- 6.3 Tiga ciri asas kebudayaan kebangsaan ialah bentuk kebudayaan yang aneka ragam, nilai-nilai kebudayaan bersama, serta corak tempatan.
- 6.4 Matlamat-matlamat pembinaan kebudayaan kebangsaan ialah memupuk fikiran tepat dan nilai bersama, demi memperkuuhkan perpaduan rakyat dan mendorong maju pengeluaran serta pembangunan negara.

- 6.5 Dasar-dasar kebangsaan sekarang tentang pelajaran dan kebudayaan, termasuk tiga prinsip ‘pembentukan’ kebudayaan kebangsaan yang dirumuskan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, berfahaman Melayu-sentrik yang tebal, serta ber-cenderung untuk mengasimilasikan kaum-kaum lain secara paksa. Oleh itu, mengingkari prinsip dan semangat persamaan hak dan kedudukan bagi semua kaum, perundingan demokratik, Perlembagaan Persekutuan dan Rukunegara. Dasar-dasar itu akan menggagalkan matlamat perpaduan negara.
- 6.6 Penganut Melayu-sentrik (Malay-centrists) menafikan prinsip persamaan hak dan kedudukan kebudayaan bagi semua kaum, oleh itu, dasar perkauman dan kecenderungan asimilasi paksaan Kerajaan diperkuat lagi.
- 6.7 Empat prinsip utama pembinaan kebudayaan kebangsaan:—
- (a) Unsur-unsur unggul kebudayaan semua kaum di negara kita merupakan asas kebudayaan kebangsaan;
 - (b) Garis-garis panduan pembinaan nilai-nilai kebudayaan bersama ialah sains, demokrasi, pemerintahan undang-undang dan patriotisme;
 - (c) Nilai-nilai kebudayaan bersama haruslah diekspresi melalui bentuk pelbagai kaum; dan
 - (d) Proses pembinaan kebudayaan kebangsaan haruslah selaras dengan prinsip kesamarataan semua kaum melalui perundingan demokratik.

VII. PERMINTAAN DAN SARANAN

- 7.1 Kerajaan harus menghormati hak-hak Perlembagaan semua kaum untuk memelihara dan mengembangkan bahasa, pelajaran dan kebudayaan masing-masing serta membantunya secara konkrit:—
- 7.1.1 Kerajaan harus memansuhkan segala undang-undang yang tidak menguntungkan kewujudan dan perkembangan bahasa dan pelajaran semua kaum, supaya hak Perlembagaan untuk mempelajari, menggunakan dan memajukan bahasa dan pelajaran setiap kaum dapat terjamin.
 - 7.1.2 Kerajaan harus membantu perkembangan S.R.J.K.(C), Sekolah Menengah Persendirian Cina, Kelas Bahasa Ibunda (POL) di Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan dan Jabatan Pengajian Tionghua di Universiti Malaya. Di samping itu, lebih Jabatan Pengajian Tionghua harus didirikan di pusat-pusat pelajaran tinggi yang lain, dan penubuhan universiti-universiti swasta juga harus diizinkan.
 - 7.1.3 Kerajaan harus melayani aktiviti-aktiviti semua badan kebudayaan secara adil, baik dari segi bantuan kewangan maupun segala bantuan yang lain, tanpa mengira keturunan ahli-ahli badan yang berkenaan.
 - 7.1.4 Kerajaan yang menganjurkan aktiviti-aktiviti kebudayaan seperti penerbitan, pertunjukan, pameran, perarakan, bengkel, pesta kebudayaan, pertandingan, anugerah sastera atau kesenian dan rombongan kebudayaan melawat ke luar negeri hendaklah memberi peluang yang sama kepada seniman, sasterawan dan kebudayaan dari semua kaum untuk mengambil bahagian atau mendapat hadiah, demi menunjukkan penghormatan kepada ciri-ciri dan nilai-nilai kebudayaan yang aneka-ragam itu.
 - 7.1.5 Dalam memperkenalkan kebudayaan kebangsaan, sebaran am negara tidak wajar terlalu memberatkan kebudayaan Melayu dan mengabaikan kebudayaan kaum-kaum lain.

- 7.1.6 Dalam rancangan T.V. Malaysia "Hari ini Dalam Sejarah" peristiwa-peristiwa serta tokoh-tokoh sejarah bukan-Melayu juga harus diberi tempat yang wajar, demi mencerminkan realiti sejarah negara kita yang berbilang kaum.
- 7.1.7 Dalam pembentukan imej kebangsaan, ciri-ciri masyarakat majmuk kita harus dicerminkan.
- 7.1.8 Pada penamaan bangunan, taman kediaman, tempat dan jalanraya, ciri masyarakat majmuk kita juga harus dicerminkan.

- 7.2 Kerajaan harus mengambil daya utama untuk mendorong maju interaksi kebudayaan berbagai kaum, agar nilai-nilai kebudayaan bersama dapat dibentuk. Secara konkrit:-
 - 7.2.1 Kerajaan harus menganjurkan berbagai aktiviti interaksi kebudayaan, termasuk pameran, pertunjukan, perbincangan dan lain-lain.
 - 7.2.2 Kerajaan harus memberi galakan dan bantuan agar karya-karya sastera yang bermutu dari semua kaum dan bahasa di negara kita disaling terjemahkan ke dalam bahasa-bahasa lain.
 - 7.2.3 Dalam buku-buku teks dan sebaran am haruslah diperkenalkan secara luas adat istiadat, cara hidup dan kebudayaan semua kaum, untuk memperdalam saling pengertian antara satu kaum dengan yang lain.
 - 7.2.4 Di pusat-pusat pelajaran tinggi di negara kita, kajian dan perbincangan tentang kebudayaan berbagai kaum harus dipergiat lagi, agar masalah interaksi dan integrasi dapat dikaji secara mendalam dan nilai-nilai kebudayaan bersama dapat dirumuskan.
 - 7.2.5 Kerajaan harus menubuhkan Balai Barang Peradaban dan Bilik Rujukan Bahan-Bahan Bersejarah semua kaum untuk mengumpulkan buku-buku, dokumen-dokumen dan barang-barang peradaban yang bersejarah dari semua kaum.
 - 7.2.6 Kerajaan melalui Muzium Negara dan Arkib Negara haruslah mengumpulkan dokumen-dokumen dan benda-benda yang bersejarah dan mempamerkannya di tempat-tempat pameran di seluruh negara.
 - 7.2.7 Perpustakaan Negara, perpustakaan negeri dan perpustakaan tempatan haruslah mengumpulkan buku-buku berbagai bahasa dengan secukupnya.
 - 7.2.8 Balai Senilukis Negara harus secara luas mengumpulkan hasil-hasil karya seni yang bermutu dari seniman semua kaum untuk dipamerkan.
 - 7.2.9 Kerajaan negeri harus secara adil memelihara tempat dan bangunan bersejarah dari semua kaum.
- 7.3 Kerajaan harus menggalakkan berbagai aktiviti kebudayaan dan seni yang sihat, serta melarang yang meleset (decadent) dan yang lucu agar fikiran rakyat terutamanya generasi muda tidak diracuni.
- 7.4 Dalam semua upacara rasmi yang dianjurkan Kerajaan atau badan-badan berkanun, adat istiadat, agama dan tradisi kebudayaan semua kaum hendaklah dihormati.

- 7.5 Perhimpunan atau konvensyen kebudayaan yang dianjurkan oleh Kerajaan, haruslah diundang wakil-wakil dari badan-badan kebudayaan dan agama berbagai kaum untuk mengambil tempat dan memberi pandangan masing-masing. Rumusan rumusan yang dicapai dalam perhimpunan atau konvensyen adalah untuk dijadikan bahan rujukan sahaja bagi Kerajaan atau kalangan rakyat. Kerajaan tidak harus cuba menggunakan rumusan-rumusan itu untuk memaksa kaum-kaum tertentu menerima atau meninggalkan sebarang bentuk atau nilai kebudayaan.
- 7.6 Kami meminta Kerajaan supaya melantik wakil-wakil dari pertubuhan-pertubuhan utama kebudayaan dan pendidikan Cina serta sarjana-sarjana Cina untuk mengambil bahagian dalam Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, serta badan-badan kebudayaan berkanun yang lain.

KHOO SIONG CHI, JSM
Presiden,
Dewan Perhimpunan China Selangor

DATUK KOH PEN TING
Presiden,
Dewan Perhimpunan China Pulau Pinang

DATUK Tan KIM SING
Naib Presiden,
Persatuan China Perak

YEE KIM KAM, J.P.
Presiden,
Gabungan Persatuan-Persatuan China Negeri Johor

YAP FOCK ON,
Presiden,
Dewan Perhimpunan Tionghua Trengganu

DATUK LOH FOKK HENG,
Naib Presiden,
Dewan Perhimpunan Tionghua Kelantan

CHOO CHIEH HWA, P.J.K.
Presiden,
Persatuan Dewan-Dewan Perniagaan China Pahang

TAN SAY ENG,
Presiden,
Dewan Perhimpunan China Negeri Sembilan

DATUK YEO TIOW TIONG,
Naib Presiden,,
Dewan Perniagaan China Melaka

DATUK WEE BOON PIN
Presiden,
Pergabungan Persatuan-persatuan China Bersekutu Sarawak

DATUK LEE SENG CHENG
Presiden,
Dewan Perniagaan Tionghua Kedah

LIM FONG SENG
Pengerusi,
Persekutuan Persatuan-Persatuan
Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia.

KHOR MOOI, P.J.K.
Presiden,
Dewan Perniagaan China Negeri Perlis

SIM MOW YU, J.P.
Pengerusi,
Gabungan Persatuan-persatuan Guru-Guru
Sekolah China Malaysia.

(LIAW THIEN THSU ASDK)
SETIAUSAHA AGUNG
GABUNGAN DEWAN-DEWAN
PERNIAGAAN TIONGHUA SABAH

LAMPIRAN D

**Joint Declaration By
The Chinese Guilds And Associations Of
Malaysia
1985**

I. PREAMBLE

The Chinese Guilds and Associations of Malaysia have unanimously moved to issue this Joint Declaration at this juncture for the following reasons:

- 1) The Chinese Malaysian community is alarmed at the seriousness of the problem of racial polarisation, which, in our opinion, is caused by government policies which constantly emphasize that "bumiputra interest must come first", as well as by administrative measures which have eroded, and deprived the other Malaysian communities of their fundamental liberties to equality in the political, economic, social, cultural, linguistic and educational spheres.
- 2) The Chinese Malaysian community is not only concerned that there is increasing polarisation between the rich and the poor in general, but also disturbed by the fact that the Government's Malay-centrism has neglected the problem of poverty in other communities and led to anomalies in the economic sphere.
- 3) The Chinese Malaysian Community is also concerned at the transgression of freedom of democracy in our country and we believe that the violation of human rights; economic, political and cultural oppression; social injustice are the root causes of discrimination and communal tension.
- 4) We have also observed with disappointment that the Barisan Nasional Government and the various political parties in the country have thus far failed to bring about the resolution of the above-mentioned grievances.

In issuing this declaration, we recall the safeguards and guarantees of the fundamental liberties of equality and democracy in the Federal Constitution of Malaysia, the Rukunegara as well as the United Nations' Declaration and Conventions.

II. DECLARATION

- 1) All government policies must be consistent with the provisions of the Federal Constitution, the Rukunegara and the United Nations Charter so as to ensure that fundamental human rights and legitimate democratic rights are not violated.
- 2) All forms of discrimination, in particular government policies based on the interests of only one community, are a serious violation of fundamental human rights and the main obstacle to National Unity.
- 3) We condemn all forms of chauvinism, racism and religious fanaticism.
- 4) We fervently believe that equal civil and political rights are the preconditions for the promotion of National

Unity and progress - our people can only be united on the basis of freedom, equality and democracy.

- 5) We demand that the Government respect the Malaysian people's basic right to freedom of organisation, assembly, speech, publication and other fundamental liberties guaranteed in the Federal Constitution.
- 6) We demand that the Government implement effective measures to eradicate poverty and uplift the people's standard of living, irrespective of race.
- 7) We call upon the whole nation especially the political parties to support our Joint Declaration.

III. DEMANDS AND PROPOSALS

1. Political Issues

1.1 The guiding principle of our multiracial country should be to build, through constitutional means, an independent and sovereign country which upholds freedom , democracy, justice and equality mong the various ethnic communities

1.2 We uphold religious freedom, resolutely defend the secular nature of our politcl system and oppose the use of religion for politcl ends.

1.3 In a multiracial country like ours, racial harmony and nationl unity are basic conditions for nation-building.As racial polarisation has andangered the basis for nation-building, we oppose racism and racial discrimination.

1.4 The Federal Constitution is the basis of our constitutional democracy and national unity. The sanctity of the Federal Constitution must be scrupulously observed. We are opposed to any arbitrary amendment of the Constitution. Whenever an amendment affects the fundamental liberties of the people or the basic human rights of a community, the views and opinions of the people or the community concerned should be consulted and given due respect.

1.5 Basic human rights are an inalienable part of the democratic system and we resolutely oppose any attempt to infringe upon these rights. We call for greater democracy at all levels to give concrete meaning to the principles of parliamentary democracy. We propose that:

- (1) The various levels of government must be elected by the people.
- (2) The government must respect the people's right criticise and influence government policies.
- (3) The delineation of constituencies must be based on the democratic and just principle of "one man, one vote". The wide discrepancies between the number of voters in different constituencies must therefore be eradicated.
- (4) The basic human rights, such as freedom of organisation, speech, assembly and publication, s expounded by the United Ntions' Declaration of Human Rights and the Federal Constitution must be fully respected.

(5) All citizens must be able to enjoy equal rights and privileges regardless of their language, class, religion and colour. The distinction between "bumiputra" and "non-bumiputra" should be abolished.

(6) The Internal Security Act, Sedition Act, Printing Presses and Publication Act, University and University Colleges Act and others which violate basic human rights must be reviewed.

1.6 When premised upon the guarantee of equal rights to the various ethnic communities, democratic consultation is the basis for coordinating and harmonising inter-ethnic relations. To safeguard political stability and national unity, we must resolutely oppose all forms of racial chauvinism, extremism and political opportunism.

1.7 While our legitimate democratic rights have been continuously encroached upon and racial polarisation is becoming ever more critical, we call upon all political parties to transcend their factional and party interests in order to make known the views and aspirations of the various communities at all levels of legislation, and work together to defend our legitimate rights. We would like to stress that even if we should fail to secure these rights, our wishes and demands have hitherto been recorded. This is to invalidate any claims by the Government that its policies have been unanimously accepted by the whole nation.

1.8 Regarding foreign relations, we stand for a positive and consistent non-aligned policy dedicated to the cause of world peace, freedom, territorial integrity and national sovereignty. We stand firmly by the principle of the right of nations to self-determination, and oppose all direct and indirect interventions by the big powers in the affairs of smaller or weaker nations.

2. Economic Issues

2.1 We should strive to build an independent, sovereign and industrialised economy with agriculture as its base; promote the growth and development of the various national capitals in order to rid the country of the control by foreign monopoly capital, to eradicate poverty and uplift the standard of living of the people, irrespective of race.

2.2 Ever since its implementation, the New Economic Policy has failed to solve the basic economic problems of our country. On the other hand, such economic policies based on "bumiputraism" have become a major cause of racial polarisation. To achieve the major objectives of national economic construction, the principle of inter-community cooperation and mutual benefits must be implemented, while the present interventionist policies of enforced restructuring should be abolished.

2.3 We are opposed to the communally-defined quota system and call for its abrogation by 1990.

2.4 The economy should be liberalised. The government should reduce the monopolistic activities of the state-owned enterprises to a minimum and encourage the private sector to play a more positive role.

2.5 We must develop our domestic industries, re-

sources and labour force by means of modern technology. Our industrialisation strategies must be planned with the agriculture and small and medium scale industries as the basis of development. The development of heavy industries must not jeopardise the existence and development of the small-scale industries.

2.6 The government should formulate and implement an effective land and agricultural policy to enable the peasants to have adequate parcels of land to cultivate and ensure the full utilisation of our available land so as to increase productivity. New land schemes opened by the government should be fairly and justly distributed to farmers of all ethnic communities. Land reserved for Malays should not be increased arbitrarily.

2.7 While certain social utilities like the medical health service should be excepted, we welcome the privatisation of certain state-owned enterprises to spare public expenditure and improve efficiency. However, privatisation should not be monopolised by a particular ethnic community or benefit only foreign companies or big corporations; all citizens should be given equal chance to participate in the privatisation exercise. To encourage private investment so that the privatisation efforts can be implemented smoothly, all rules and regulations that hinder private investment, like the Industrial Coordination Act, should be repealed.

2.8 The government's effort to "restructure" society should not be limited to only the private sector but must also be applied to the civil service and all state-owned enterprises including off-budget agencies. These should be open to all ethnic communities to participate on an equal and fair basis.

2.9 In the process of restructuring and developing our economy, the people's living standards and fundamental rights must be safeguarded. The government must strive to narrow the gap between the rich and the poor as well as that between the urban and rural sectors, irrespective of ethnicity.

3. Social Issues

3.1 The government policies to eradicate poverty and backwardness must be directed to the poor section of all ethnic communities, fairly and justly. We would like to repudiate the myth that "the economy is controlled by the Chinese" or that "all Chinese are rich".

3.2 To ensure that workers are treated fairly and justly, we propose:

- (a) a statutory and reasonable minimum wage be implemented in all areas of economic activity;
- (b) our trade union legislation be amended so as to facilitate unionisation and legitimate political and social activities;
- (c) the social welfare system be implemented to take care of the unemployed, the disabled, the aged, as well as others in need;
- (d) equal pay for equal work irrespective of sex or race;

(e) an effective implementation of health and safety measures in factories and other work places;

(f) the implementation of international labour standards in all economic spheres including state agencies.

3.3 The authorities should not look upon the squatter problem as merely a "law and order" issue, but must conduct a full-scale study into the socio-economic causes of the problem, and if necessary, set up a special ad hoc committee to handle the problem. The government should build more low-cost houses and distribute them fairly and justly to the poor irrespective of race. At the same time, the housing market must be stringently regulated to control prices and curb property or financial speculation.

3.4 The deteriorating standard of public health services and the increasing cost of private health services are well known to everyone. The government must take measures to rectify this phenomenon, such as the setting up of a comprehensive National Health Service to ensure that the middle and lower classes have access to an inexpensive and satisfactory medical health service.

3.5 The public transport system, especially in the big cities, is unsatisfactory. The government must introduce improvements in order to provide a cheap and efficient transport system.

3.6 To halt the increasing cases of rape and violence against women which can largely be attributed to society's general attitude towards women, we propose that:

(a) women be accorded the same status as men in the various political, economic, cultural, educational and social spheres;

(b) public child-care centres be set up or child-care facilities be provided so that women have equal opportunities to take part in the activities of the various spheres of life;

(c) effective measures be taken to prohibit the harassment of women at work as well as outside the work place;

(d) prohibition of media images which degrade women be implemented;

(e) refuge be provided for women against violence by their husbands or other men.

